

04/09/1999

Mengapa kawalan tukaran wang secara berpilih perlu

Dr Mahathir Mohamad

TUGAS saya adalah untuk menjelaskan mengenai kawalan mata wang yang dilaksanakan secara berpilih yang hari ini telah genap setahun dan satu hari. Setelah melalui tempoh 366 hari yang luar biasa itu, saya hanya hendak mengingatkan bahawa apa yang telah berlalu itu sebenarnya suatu masa hadapan pada ketika itu.

Waktu itu kita menghadapi suatu masa depan yang paling tidak menentu. Bagi semua Asia Tenggara dan kebanyakan Asia Timur, ia adalah suatu masa yang paling mengancam, buruk dan amat malap.

Ramai telah berputus asa. Dengan modal yang berkurangan ramai tidak lagi yakin terhadap ekonomi negara. Ramai pula percaya bahawa kita semua akan musnah. Kita diberitahu hari demi hari, malah beberapa kali sehari - kadangkala oleh mereka yang sebelum ini memuji dan menyanjung tinggi pertumbuhan kita - bahawa kita secara tiba-tiba telah tidak bermakna lagi.

Saya ingin mengalihkan pandangan anda kembali pada ketika itu, setahun lalu. Selepas lebih setahun yang membinasakan, kebanyakan Asia Timur berada dalam kemusnahan. Harapan untuk masa depan sudah tidak ada lagi. Tidak ternampak pun cahaya dari kegelapan itu. Malah, kegelapan itu seolah-olah tidak ada kesudahannya.

Berita yang disogokkan setiap hari lebih buruk daripada yang sebelumnya. Apabila sesuatu yang buruk berlaku di Thailand atau China, pasaran saham kita jatuh; mata wang kita goyang. Apabila sesuatu yang malang tercetus di Indonesia atau Hong Kong, pasaran saham dan mata wang kita turut terjejas. Apabila sesuatu yang tidak diinginkan berlaku di Korea Selatan atau Jepun, pasaran saham kita bergegar; mata wang kita tertekan. Apabila timbul berita buruk dari kita sendiri, pasaran saham negara jiran juga jatuh; mata wang mereka goyang.

Penjelasan mengenai keadaan itu mudah diberi. Antaranya: `kesan jangkitan serantau', `dorongan berkumpulan', `kapitalis kronisme', `pentadbiran korporat', `putaran ganas', `panik kewangan'.

Satu perkara yang saya tidak boleh faham, Malaysia nampaknya paling tidak digemari oleh pihak tertentu. Selain serangan terhadap ekonomi negara, kita dengan jelas diberi gambaran bahawa kerajaan perlu digulingkan atau kalau tidak pun sekurang-kurangnya Perdana Menteri perlu diganti.

Alan Greenspan, orang yang paling berkuasa di dunia mengeluarkan `amaran kasar' bahawa ekonomi Asia akan berterusan lemah. Pada 22 Julai 1998 Greenspan berkata bahawa Asia masih tidak mempamerkan bukti yang boleh menunjukkan kestabilan. Malah dia menyatakan perangkaan terbaru masih mempamerkan keadaan buruk. Orang inilah juga yang memberi amaran mengenai `kemewahan tidak rasional' apabila purata indeks perusahaan Dow berada pada 6,600 mata (indeks Dow kini berkisar pada lebih 10,000 mata), dan pernah pula berkata bahawa kejatuhan besar pasaran saham Amerika Syarikat tidak dapat dielak pada waktu tertentu.

Berbalik kepada Malaysia, satu hari selepas kita mengumumkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang menggariskan lebih 200 langkah pembaharuan dan perubahan, serta sehari sebelum rombongan untuk mempromosi pengumpulan dana AS\$2 bilion dalam bentuk bon bertolak - syarikat penarafan Moody menurunkan penarafan kedaulatan Malaysia kepada hanya satu paras di atas status junk.

Keesokan harinya, Standard and Poor pula melakukan yang sama.

Tidaklah mengejutkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kemudiannya

menjunam ke paras terendah dalam tempoh sembilan tahun. Ringgit pula terus menghadapi tekanan hebat. Hasilnya usaha menerbitkan bon sudah tentu terpaksa dibatalkan.

Biarlah saya memberi sedikit latar belakang mengenai berita dan peristiwa yang menyanggah keputusan mengenakan kawalan mata wang itu. Untuk mudah dan memendekkan ceritanya, saya cuma membaca beberapa tajuk berita media antarabangsa, bermula daripada 3 Julai 1998. Atas sebab-sebab teknikal yang termaklum, saya tidak dapat memberikan tajuk berita televisyen yang begitu aib.

Pada 3 Ogos, Nikkei Weekly melaporkan bahawa "rampasan harta dan kemusnahan menggegar Indonesia".

Financial Times dengan tajuk "Filipina mengalami kemuraman pada jangka pendek".

The International Herald Tribune (IHT) melaporkan "Eksport Korea Selatan jatuh 13.7 peratus pada Julai - kebimbangan berterusan bahawa kemelesetan mungkin lebih teruk". Dalam keluaran yang sama, akhbar itu menyiarkan rencana yang mencadangkan bahawa China akan menurunkan nilai mata wang;

(i) jika yen merudum

(ii) jika kadar pertumbuhan China akan menjadi lemah, dan

(iii) jika ada tekanan daripada pengeksportnya.

Banyak laporan akhbar dan analisis daripada media dunia berkisar kepada kejatuhan yen, kadar pertumbuhan China yang lemah dan mengenai kehilangan saingan eksport.

Pada 3 Ogos juga, Asian Wall Street Journal melaporkan: "Kadar pengangguran Jepun naik kepada 4.3 peratus pada Jun satu rekod". Business Week dalam satu berita mengenai Malaysia mempunyai tajuk "Tiba-tiba, Syarikat Jatuh seperti Buah Kelapa - peningkatan muflis mengancam menenggelami ekonomi Malaysia". Sama ada kita akan mati kerana gegaran otak daripada buah kelapa yang jatuh atau cuma lemas oleh peningkatan kes muflis, tidak dijelaskan.

Pada 3 Ogos, IHT membuat satu laporan bertajuk "Bagaimana jika keadaan lebih buruk di Asia?". Rencana ini melaporkan hasil penyelidikan "ahli ekonomi dihormati" Standard & Poor bahawa dalam keadaan paling buruk di mana ekonomi Jepun menguncup 10 peratus, kadar pertumbuhan ekonomi China jatuh daripada lapan peratus kepada satu peratus, dan Indonesia pula tidak dapat menjelaskan piutangnya yang matang, Amerika Syarikat akan hanya mengalami "kemelesetan yang sederhana".

Biar saya baca beberapa tajuk berita pada 4 Ogos: Kejatuhan (pasaran saham/mata wang) Tokyo Menjejas Pasaran Asia" - The Financial Times. "China menuntut Indonesia menangani kejadian rusuhan kaum" - The Financial Times. "Hong Kong Bergerak Ke Arah Kemelesetan" - IHT. "China Menentang Penguncupan Dengan Berbelanja" - IHT. "Yen Menjunam Ke Paras Terendah Dalam Tujuh Minggu" - Asian Wall Street Journal. "Pasaran (Malaysia) Menghadapi Kejatuhan Jika Malaysia Dikeluarkan Daripada (Morgan Stanley) EAFE Index.

Pada 5 Ogos, IHT melaporkan: "Kebimbangan Mengenai Yuan Jejas Pasaran Di China" dan "Seoul Kenal Pasti Syarikat Milik Kerajaan Untuk Dijual".

Pada 6 Ogos, IHT melaporkan "Dagangan Asia Timur Jatuh, Tambahan Kepada Kegawatan Ekonomi". Asian Wall Street Journal melaporkan "Thailand...Kegagalan Perniagaan Meningkat".

Bertentangan dengan latar belakang ini, pada 6 Ogos 1998, selepas beberapa bulan perbincangan mendalam dan lebih daripada 20 kali mesyuarat, permuafakatan yang menyeluruh dicapai bahawa Malaysia terpaksa meninggalkan sistem matawang orthodox yang selama 30 tahun ini telah dipertahankan. Tepat pada jam 10.10 pagi 6 Ogos, setelah bermesyuarat selama 70 minit, jawatankuasa eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, akhirnya mengambil keputusan untuk mengenakan kawalan mata wang dengan

tegas tetapi secara berpilih.

Tarikh pelaksanaan masih terbuka tetapi diputuskan bahawa mata wang Malaysia tidak seharusnya mendapat akses kepada pedagang mata wang untuk memanipulasi kadar tukaran asing. Kerajaan akan menetapkan kadar.

Memandangkan pasaran saham juga dimanipulasi melalui kegiatan jualan singkat, maka diputuskan supaya pelaburan ekuiti asing tidak dibenarkan mengeluarkan dana mereka sehingga setahun selepas pelaburan itu dibuat. Bagaimanapun, keputusan ini tidak dapat diputuskan jika pasaran gelap di Singapura, Central Limit Order Book (Clob), tidak dihentikan. Dengan menggunakan syarikat nominee jualan di Clob dapat mengelakkan pendaftaran dengan BSKL. Dengan itu, saham masih dapat dipinjam dan jualan singkat dapat diteruskan. Bagi menghentikan keadaan ini, semua saham dikehendaki didaftarkan menggunakan nama sebenar pemilik dengan BSKL. Pemilikan oleh syarikat nominee tidak diterima dan sebarang perubahan pada pemilikan ini tidak akan didaftarkan di BSKL serta dianggap tidak sah.

Bagaimanapun, pelaburan langsung asing dalam kapasiti produktif dikecualikan daripada larangan terhadap pemulangan modal mahupun keuntungan. Keputusan sebulat suara ini masih boleh dipinda atau diubah selepas 6 Ogos. Bagaimanapun, tiada alasan kukuh untuk berbuat demikian. Malah, keadaan semakin mendesak Ringgit Malaysia dielak daripada terus menjadi mangsa serangan dan spekulasi mata wang selain menjamin kestabilan mata wang.

Pada 7 Ogos: IHT melaporkan 'Kebimbangan Terhadap Penurunan Nilai Mata Wang Beijing - Yuan Jatuh Ke Tahap Terendah Dalam Lima Tahun di Pasaran Gelap'. Financial Times melaporkan: "Pasaran Saham Hong Kong pada tahap terendah tiga setengah tahun - Spekulator Bimbang komitmen pihak berkuasa terhadap penambatan dolar Amerika dan China berjanji tidak menurunkan nilai mata wang" .

Dalam keluaran pada 8 Ogos: The Asian Wall Street Journal melaporkan 'Masa depan buruk ekonomi kelihatan di Asia'. Pada muka surat utamanya, AWSJ menerbitkan rencana mengenai 'Pilihan Beijing: Pertahankan Kestabilan atau Yuan'. IHT membantah melalui laporannya 'Krisis Kewangan Membebaskan Hubungan Politik Jiran Asia'. Dalam laporannya pada muka surat lain, IHT melaporkan 'Vietnam menurunkan nilai Dong sebanyak tujuh peratus' dan 'Spekulator menggiatkan serangan pada mata wang Asia - Yuan dan Dolar Hong Kong alami tekanan'. Financial Times melaporkan 'Peniaga China Menggunakan Dolar Amerika Syarikat'.

Mujur, pada hari Ahad, media berehat. Bagaimanapun, pada hari Isnin, 10 Ogos, berita-berita yang buruk ini dipaparkan semula. Financial Times melaporkan 'Malaysian race rumours spark fears' (Khabar angin mengenai kaum di Malaysia cetus kebimbangan). Mereka yang tiada di sini tetapi tahu mengenai Malaysia perlu diingatkan bahawa cerita ini bukanlah berkisar kepada masalah Melayu-Cina atau Cina-India mahupun Melayu-India tetapi mengenai masalah yang mungkin timbul membabitkan rakyat Malaysia dengan pekerja tanpa izin Indonesia; yang mana pada fikiran saya bukanlah masalah perkauman.

Pada 10 Ogos, berita baik daripada Asian Wall Street Journal ialah 'Pelabur Menjangka Pasaran Saham Asia akan merosot lagi'. Ini di sebalik hakikat bahawa pasaran saham pada minggu sebelumnya menjunam lanjut sebanyak 12 peratus di Jakarta, Manila (-9.9 peratus); Kuala Lumpur (-9.6 peratus) dan Hong Kong (-7.2 peratus) manakala Tokyo hanya jatuh 3.4 peratus.

Saya juga hampir meminta maaf dengan ikhlas kerana tidak merujuk kepada tajuk berita mengenai keadaan kronik membabitkan keadaan manusia dan sosial hasil dari krisis Asia itu. Untuk membuat keputusan ekonomi atau kewangan atau nilai mata wang tanpa menghitung kesan buruknya ke atas manusia dan keadaan sosialnya, adalah sesuatu tindakan yang amat bodoh.

Malah ia adalah satu jenayah. Dan saya akan mengatakan ini, tanpa mengira berapa ramai pakar yang genius yang memiliki Ph.D dalam bidang ekonomi atau kewangan, yang berkata mereka tidak kisah mengenai perkara yang bukan membabitkan ekonomi, kewangan atau nilai mata wang.

Saya benar-benar terkejut sekarang bagaimana hanya dengan membaca tajuk berita setahun lalu boleh menjadi testimoni terbaik mengenai ketidakpastian kedudukan ekonomi, kewangan dan nilai mata wang pada tahun lalu.

Seperti yang anda tahu pada 14 Ogos, 1998, Hong Kong, pusat pasaran bebas kapitalis laissez faire, membuat keputusan untuk mengecewakan manipulator pasaran saham dan mata wang dengan membeli secara pukal di Pasaran Saham Hong Kong.

Kegawatan mata wang melanda Amerika Latin pula. Russia turut menjadi mangsa dan beberapa golongan kaya yang popular kehilangan berbilion dolar. LTCM, walaupun mempunyai dua orang pemenang hadiah Nobel bidang ekonomi sebagai penasihat tidak lama selepas itu turut mengalami kerugian besar, dan terpaksa dibantu oleh rakan di jawatan tinggi Amerika. Seperti yang anda tahu, Asia yang turut mengalami kegawatan yang paling serius pernah dialami, akhirnya kembali ke landasan pemulihan.

Saya sudah memberi anda gambaran mengenai latar belakang antarabangsa yang mendorong keputusan kami: memang wajar bagi bot kecil yang dilanda gelombang kencang untuk mencari perlindungan - dengan berlindung dalam teluk yang lebih tenang.

Sekarang biarkan saya jelaskan mengenai latar belakang pengalaman, kegagalan dan krisis di Malaysia. Hakikatnya ialah kami telah mencuba hampir semua untuk menangani keadaan yang melanda itu. Dan semua yang kami cuba gagal.

Seperti yang ramai tahu, pada peringkat awal, bersama seluruh dunia yang lain kami turut memperkecilkan kesan serius berikutan krisis Baht yang bermula pada 2 Julai, 1997. Setiap orang, daripada IMF ke bawah, gagal menjangka betapa seriusnya kesan apa yang dipanggil jangkitan serantau.

Pada pertengahan Jun, 1997 Malaysia telah menerima kad laporan kemajuan A+ daripada Michel Camdessus sendiri. Kami ketika itu sudah tentu berasa amat yakin bahawa kedudukan kami bukan seperti 'Mexico' atau 'Thailand'. Malahan begitu yakin sekali, hingga menyebabkan kami dengan pantas dan tanpa ragu-ragu berjanji untuk memberi bantuan kewangan AS\$1 bilion kepada Thailand, sekali ganda mengatasi janji AS\$500 juta oleh Australia. Kami kemudian berjanji bantuan AS\$1 bilion lagi kepada Indonesia.

Kemudian, pasaran saham mulai runtuh dengan begitu drastik, begitu juga dengan Ringgit Malaysia. Ekonomi sebenarnya - mereka yang mengeluarkan produk benar dan perkhidmatan berbanding instrumen kewangan - menyusuli terjejas berturut-turut.

Apabila ekonomi sebenar mulai runtuh, kami membuat kesilapan yang paling besar. Kami menerimapiakai apa yang dipanggil 'pakej IMF tanpa IMF'. Ia

Sebaik sahaja krisis tercetus, permintaan domestik dan pelaburan terpaksa diteguhkan. Tetapi apakah yang kami lakukan? Di bawah nasihat IMF, kami mengambil keputusan untuk tidak menyangga tetapi mengurangkan perbelanjaan fiskal sebanyak 21 peratus. Ini adalah kesilapan yang paling besar kami lakukan. Tetapi kami seperti biasa begitu patuh sekali.

Kami sepatutnya memutuskan untuk mengadakan belanjawan defisit, sesuatu yang mampu kami lakukan selepas bertahun-tahun mempunyai lebihan belanjawan. Tetapi sekali lagi kami mengikut nasihat terbaik IMF. Kami terus menyasar satu lagi lebihan belanjawan.

Kami sepatutnya tidak harus mengganggu operasi bank. Sebaliknya kami memberitahu mereka supaya menghentikan rejim enam bulan hutang tidak berbayar (NPL) dan memberitahu mereka supaya mengguna pakai tempoh tiga bulan rejim NPL. Dengan itu kami membantu mencekik sektor perniagaan lebih

pantas.

Tetapi itu masih tidak mencukupi. Kami memberitahu mereka supaya tidak meminjamkan lagi wang kepada apa yang dipanggil aktiviti yang tidak produktif. Dan bank terus menghentikan sebarang pinjaman. Ia seolah-olah tidak ada lagi bidang yang produktif pada mereka.

Kami diberitahu pasaran tidak akan menyaksikan sebarang pemulihan keyakinan sehingga mereka menyaksikan darah mengalir. Mereka ingin menyaksikan perniagaan kita musnah dan pupus. Kami menurut perintah tetapi ia masih tidak mencukupi. Darah, malah lebih banyak darah mesti ditumpahkan.

Dengan kecederaan begitu parah, kami terus berfikir mengapa kami menjadi semakin lemah. Dan mengapa masih tidak ada pemulihan dan keyakinan masih tidak dapat dipulihkan.

Sepatutnya kadar faedah harus dipertahankan malah dikurangkan, tetapi kami mengambil keputusan untuk meningkatkan kos pinjaman pada tahap tidak ada perniagaan yang akan selamat. Tidak mengejutkanlah, apabila banyak perniagaan hancur musnah sama sekali.

Apabila perniagaan terhenti, ekonomi menjunam seperti batu terhempas ke bumi. Inilah yang terjadi. Ekonomi Malaysia menjunam seperti batu.

Sejak dari awal lagi, saya dituduh oleh media asing mengamalkan sikap 'menafikan keadaan'. Saya mengaku, saya mempunyai pandangan berbeza mengenai punca kegawatan ekonomi. Tidak menerima pandangan yang diterima ramai diterjemah sebagai 'menafikan'. Saya tidak menyalahkan hanya media asing sahaja. Malahan ada pengkhianat tempatan turut melaungkan tuduhan 'mengamalkan sikap menafikan.'

Apakah pilihan yang ada di hadapan kita? Jika kita tidak menaikkan kadar faedah ke tahap lebih tinggi, sejumlah besar Ringgit Malaysia akan berpindah ke Singapura, di mana pendeposit boleh mendapat pulangan lebih 35 peratus. Pendeposit ternyata tidak kisah Ringgit mereka diturunkan nilai oleh penyangak mata wang, selagi mereka boleh mendapat pulangan tinggi daripada deposit mereka. Jadi Ringgit mengalir keluar dan bank tempatan ditinggalkan tanpa wang untuk dipinjam. Spekulator meminjam, membuat jualan singkat dan menurunkan nilai Ringgit lebih teruk.

Tetapi jika kami cuba untuk bersaing dengan Singapura dan menolak kadar faedah lebih tinggi, perniagaan kita akan terus terhenti. Ekonomi sebenar akan semakin musnah.

Ini adalah apa yang sebenarnya yang berlaku. Apabila kami membuat keputusan untuk mengadakan kawalan mata wang pada 6 Ogos, kami tahu KDNK kami pada suku kedua 1998 akan mengalami penguncupan besar, pada tahap yang tidak pernah berlaku sejak kelahiran Malaysia.

Mata wang kami juga telah jatuh dari RM2.50 untuk setiap dolar Amerika kepada RM4.80 pada satu ketika. Inflasi yang tidak pernah dialami sebelum ini berlaku. Dana malahan kos sara hidup meningkat begitu pantas, lebih ramai orang kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Kegawatan sosial sudah pasti akan menyusuli, begitu juga dengan ketidakstabilan politik. Malaysia mengimport hampir AS\$80 bilion barangan dan perkhidmatan. Pada kadar RM4 kepada setiap satu dolar Amerika, kehilangan kuasa beli adalah pada AS\$48 bilion.

Indeks pasaran saham juga menjunam dari lebih 1,000 mata kepada 262 pada hujung Ogos 1998. Modal pasaran bernilai RM800 bilion jatuh kepada kurang daripada RM300 bilion. Bagi bank dan syarikat, kerugian adalah nyata. Panggilan margin tidak boleh dipenuhi dan bank menghentikan pinjaman kepada syarikat yang sakit, menjejaskan lagi situasi perniagaan yang sememangnya telah buruk. Pemerhati asing hampir secara terbuka gembira dengan kegagalan syarikat terbabit. Ia adalah baik. Syarikat-syarikat kini menderita. Tidak lama lagi kerajaan gersang daripada penurunan cukai korporat, akan turut menderita. Dan apa yang akan dilakukan? Sudah tentu

berpaling kepada IMF untuk bantuan.

Tetapi IMF tidak melakukan apa-apa yang boleh memberi kesan kepada negara Asia Timur yang turut mengalami kegawatan. Apa yang dilakukan hanya menukar kreditor. Mereka masih meminjam wang dan mata wang mereka masih mengalami penurunan nilai dan pasaran saham mereka terus menjunam. Sebagai tambahan mereka terpaksa menyerahkan arah haluan ekonomi mereka kepada pihak berkuasa asing. Ia itu orang yang hanya mementingkan usaha untuk menebus kembali kemampuan negara terbabit untuk membayar hutang asingnya. Ini menjadi objektif tunggal untuk kerajaan. Rakyat mungkin kebuluran, mereka mungkin mengadakan rusuhan dan membunuh. Hal ini tidak relevan asalkan hutang asing boleh dibayar. IMF dengan penawar pemulihan yang begitu terhad bukanlah satu alternatif.

Kami mahu meminjam daripada pasaran tetapi seperti yang saya jelaskan tadi, agensi penarafan antarabangsa dalam hasrat mereka untuk melindungi kami daripada terus menjadi penghutang, menurunkan taraf kredit kami supaya pinjaman daripada pasaran akan memburukkan masalah kami.

Dalam pasaran ekonomi bebas, kesejahteraan kerajaan dan negara bergantung kepada kejayaan atau kegagalan sektor swasta. Jika satu syarikat gagal atau satu kumpulan kecil gagal, kerajaan masih boleh mencari jalan untuk mengimbangnya. Tetapi jika semua bank dan syarikat gagal, kerajaan tidak mungkin dapat membiayainya. Malahan ia sendiri juga akan gagal. Maka akan wujud ketidakstabilan sosial dan politik dan kemungkinan juga anarki. Justeru kerajaan tidak boleh membiarkan banyak perniagaan gagal. Tetapi itulah yang berlaku akibat kesan kejatuhan nilai mata wang dan harga saham. Pasaran bebas adalah sistem yang baik. Ia boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Tetapi ia boleh disalahgunakan dan apabila ini berlaku, ekonomi boleh dimusnahkan sepenuhnya dan rakyat tidak berdosa menderita.

Kita di Malaysia mengamalkan sistem pasaran bebas tetapi ia bukan satu agama pada kita. Ia hanyalah sistem ekonomi yang dicipta oleh manusia yang tidak sempurna. Ketika kita cuba mengikutnya sebaik mungkin, tidak ada sebab untuk kita menerima setiap apa saja yang dibuat atas nama sistem itu apabila kita tidak lagi mendapat apa-apa faedah daripadanya. Kebaikan sesuatu sistem diukur berdasarkan faedah yang diberikan. Lagi pun, itulah tanggapannya sehingga membawa kepada perumusannya. Patutkah kita terus mengikut sistem itu secara membabi buta jika ia gagal memberikan hasil? Ketika sistem pasaran bebas sedang berkembang, ia bukan diadakan untuk pedagang mata wang membuat keuntungan besar dalam masa semalaman. Ia direka untuk persaingan adil di antara yang setanding untuk perdagangan barangan dan perkhidmatan sebenar, untuk pengaliran bebas pelaburan ke mana ia diperlukan dan di mana keuntungan hasil aktiviti perdagangan boleh dibuat. Tiada seorang pun yang mengisytiharkan bahawa mata wang patut dianggap sebagai komoditi untuk didagangkan seperti gula atau kopi. Mata wang hanyalah fasilitator perdagangan, kaedah bagi menggantikan perdagangan secara tukar barang (barter) atau pembayaran menggunakan logam berharga.

Tanpa perdagangan mata wang, pasaran bebas masih boleh berfungsi. Malahan sejak lama dahulu tidak ada perdagangan mata wang ketika perdagangan dan ekonomi dunia berkembang. Kadar tukaran yang tetap membolehkan nilai diletakkan kepada barangan dan perkhidmatan. Gangguan boleh berlaku apabila kerajaan mengubah kadar tukaran tetapi kerosakan kepada perdagangan dunia sangat kecil berbanding dengan huru hara ekonomi seluruh dunia dalam tempoh dua tahun lalu. Kita di Malaysia berasa kita bukan bersikap tidak setia kepada pasaran bebas jika kita tidak membenarkan perdagangan mata wang. Perdagangan sebenar kita tidak seharusnya terganggu begitu juga pelaburan asing dalam bidang produktif.

Tetapi ekonomi Malaysia juga merana akibat manipulasi melampau pasaran

saham, terutamanya akibat jualan singkat. Kegiatan pasaran saham ini biasanya diterima tetapi apabila pedagang besar dengan keupayaan menggerakkan harga saham naik atau turun sesuka hati, ia bukan lagi spekulasi. Ia tidak lain adalah manipulasi. Seperti mana urusan niaga dalaman tidak dibenarkan, kita tidak melihat sebab mengapa manipulasi patut dibenarkan.

Kerajaan sudah menghentikan jualan singkat di BSKL tetapi Singapura mewujudkan pasaran pesisiran haram di mana kerajaan Malaysia tidak ada kuasa untuk mengawalinya. Jika ekonomi Malaysia mahu distabilkan, maka operasi CLOB perlu dihentikan.

Maka pada 1 September 1998, Malaysia menghentikan perdagangan ringgit dan operasi CLOB. Ringgit yang berada di luar Malaysia dalam bentuk apa pun akan menjadi tidak sah melainkan dihantar pulang dalam tempoh sebulan daripada tarikh itu. Dana yang dilaburkan dalam saham Malaysia tidak boleh dibawa keluar negara dalam masa setahun walaupun modal lain yang dilaburkan di Malaysia boleh keluar dan masuk secara bebas. Keuntungan juga boleh dibawa keluar dengan bebas.

Daripada spekulator mata wang asing, pelabur ekuiti asing, ahli ekonomi pasaran bebas, dan akhbar bahasa Inggeris dunia, hanya datang tiga bentuk tindak balas;

- kecaman hebat dan berterusan;
- kecaman yang digambarkan sebagai wacana intelektual; dan
- kecaman dalam bentuk nasihat percuma yang tidak diminta.

Kawan saya, George Soros yang agung, menyifatkan langkah 1 September sebagai "melampau". Berdasarkan pandangannya mengenai dunia dan keperluannya untuk membuat duit daripada pergerakan besar mata wang, maka tidak sangsi lagi ia adalah "melampau".

Business Week melabelkan Malaysia sebagai "Ekonomi Pembelot".

The New York Times melaporkan pegawai kanan pentadbiran Clinton sebagai berkata peristiwa di Malaysia sebagai "satu tragedi". Langkah-langkah kita, katanya, adalah "kegagalan yang hebat".

Majalah Time memetik pakar yang berpusat di Bangkok sebagai berkata: "Mahathir sedang mengubah Malaysia menjadi sebuah Myanmar. Ia akan mewujudkan pasaran gelap untuk mata wang dan akan berlaku panik di dalam negara untuk membeli dollar AS."

Business Week yang berilmu itu berkata langkah berkenaan boleh "meruntuhkan rizab asing dan memungkinkan penurunan nilai mata wang serta menyebabkan sekatan perdagangan." Ahli ekonomi yang agung, Milton Friedman, memberitahu dunia bahawa tindakan Malaysia adalah "pilihan paling buruk yang mungkin".

International Herald Tribune yang agung mengisytiharkan bahawa "Malaysia minggu lalu menutup pintunya kepada ekonomi sejagat." Satu kenyataan yang amat keras.

Penganalisis yang berpusat di London berkata Malaysia menderita "Krisis IQ". Ini, saya yakin, semestinya rujukan kepada hakikat bahawa kita tidak ada dua penerima Anugerah Nobel ekonomi untuk menasihati kita. Ia tidak mungkin rujukan kepada andaian yang sering dibuat, yang saya pasti adalah benar, bahawa "Apa yang Dr Mahathir tahu mengenai ekonomi boleh ditulis di belakang setem."

Kecaman daripada spekulator dan manipulator mata wang yang tidak lagi boleh membuat duit daripada kesengsaraan ringgit boleh saya mengerti. Kecaman daripada pelabur ekuiti asing yang terpaksa menunggu selama setahun boleh saya terima. Kecaman daripada ahli ekonomi pasaran bebas juga boleh saya mengerti. Sememangnya kita sudah menentang satu sistem yang dianggap suci. Tetapi kecaman daripada akhbar bahasa Inggeris dunia agak menghairankan.

Seperti apa yang dapat dilihat, hujah yang dilemparkan kepada kami ialah kita teramat bodoh. Bencana akan menimpa serta merta. Malaysia hancur.

Habis.

Apabila sudah jelas bencana tidak menimpa dan Malaysia tidak hancur, tidak habis, kita lihat pula hujah bahawa sekiranya kematian tidak berlaku, ekonomi Malaysia akan lumpuh. Kesan jangka sederhana amat besar.

Apabila sudah jelas bahawa Malaysia sudah berjaya dan menuju ke arah pemulihan, hujah terbaru ialah pencapaian Malaysia adalah jelas tetapi ekonomi yang menerima bantuan IMF sudah mencapai kejayaan yang sama dengan kita tanpa perlu mengambil langkah kawalan modal.

Pendukung hujah ini seolah-olah tidak dapat melihat satu logik. Jika mereka boleh berhujah bahawa negara lain mencapai hasil setanding tanpa perlu mengadakan kawalan mata wang, bukankah boleh diujah bahawa kita berjaya mencapai apa yang dicapai negara lain tanpa perlu mengharungi: derita pengangguran yang besar; tragedi kanak-kanak terpaksa berhenti sekolah; kemusnahan kelas pertengahan yang mengambil masa selama satu generasi untuk kita bina; pertumpahan darah di jalanan dan huru hara politik di seluruh tanahair.

Kita berupaya mencapai apa yang dicapai negara lain; tanpa perlu membuat hutang besar; tanpa membebankan generasi akan datang dengan bebanan membayar hutang yang besar; tanpa perlu menggadaikan emas perka dan barangan pusaka keluarga; tanpa perlu melelong syarikat korporat kita yang amat berharga kepada pihak asing pada harga yang amat rendah; dan tanpa perlu untuk melutut kepada sesiapa; tanpa perlu mencium kaki sesiapa.

Apa yang nyata, apa yang kita fikir amat penting bagi kita mungkin tidak sepenting itu kepada orang lain. Ekonomi Asia Timur semuanya berbeza. Perbandingan biasanya sukar dan tidak adil. Tetapi yang pasti setiap negara berhak membuat keputusan mengenai keutamannya dan memilih jalannya sendiri ke arah pemulihan.

Dan paling jelas, langkah yang bukan lazim, berani dan mantap yang kita ambil 366 hari lalu sudah membuahkan hasil.

Kita diberitahu bahawa akan berlaku pengaliran keluar modal secara besar-besaran. Orang akan memecahkan pintu untuk cuba mendapatkan dolar AS. Kadar faedah akan dinaikkan kerana kekurangan teruk kecairan tunai. Akan ada pasaran gelap di setiap ceruk negara. Akan berlaku birokrasi yang melampau kerana ramai kakitangan awam diperlukan untuk mentadbir sistem itu. Rasuah akan berleluasa kerana rakyat dan peniagaan Malaysia membeli bekalan mata wang yang pastinya amat terhad. Pengeksport akan membuat perisytiharan yang kurang daripada nilai eksport sebenar mereka. Pengimport akan membuat perisytiharaan lebih daripada import sebenar mereka. Harga perpindahan akan berleluasa. Ringgit tidak mungkin akan stabil. Malahan, ia terpaksa diturunkan nilai. Tidak perlu dikatakan, pasaran saham akan terus merudum. Saham Malaysia tidak akan bernilai satu sen pun.

Sehingga hari ini, masih ada ahli ekonomi yang paling berilmu boleh menemui dalam fikiran mereka pasaran gelap yang tidak mungkin dapat kita temui. Ringgit kekal kukuh. Malahan, jika ada kebimbangan, kebimbangan itu dan harapan semua ialah ringgit akan terus mengukuh.

Manakala bagi pasaran saham, saya mungkin hanya perlu menyebut bahawa pada akhir Ogos 1998, sebelum sesiapa dapat menghidu langkah kawalan mata wang kita, Indeks Komposit Kuala Lumpur berada pada 302 mata. Menjelang minggu pertama Julai 1999, ia sudah melonjak mengatasi paras 870 mata. Sejak itu ia mengalami pembetulan. Saya amat yakin ia akan kembali meningkat tidak lama lagi.

Setahun lalu, permodalan pasaran saham di BSKL adalah di bawah RM300 bilion. Ia sekarang berada lebih daripada RM500 bilion. Lebih daripada RM250 bilion sudah diwujudkan. Kesan kekayaan sudah berjaya menemui rentaknya dalam ekonomi kita.

Bagi kadar faedah yang penting itu pula, kadar asas pinjaman pada Ogos

1998 adalah 11.7 peratus. Hari ini, ia berada di bawah tujuh peratus.

Pada Ogos 1998, eksport kita berada pada AS\$5.79 bilion, kurang 17.8 kepada AS\$6.9 bilion, bertambah 17.8 peratus berdasarkan tahun ke tahun. Pencapaian eksport kita melampaui pencapaian ekonomi lain di Asia Timur.

Pada Ogos 1998, rizab luar negara kita berjumlah AS\$20 bilion. Menjelang akhir Julai tahun ini, ia sudah meningkat kepada AS\$32 bilion, peningkatan sebanyak 60 peratus dalam tempoh 11 bulan.

Pada Ogos tahun lalu, kita mempunyai cukup rizab untuk membiayai import berterusan selama empat bulan. Menjelang Julai, rizab luar negara kita cukup untuk membiayai import berterusan selama tujuh bulan.

Saya minta maaf kerana menghampakan pengkritik kita. Dahulu, sekarang kita tidak menjangka akan menghadapi kekurangan tukaran asing. Dahulu dan sekarang kita tidak menjangka akan kekurangan kecairan. Dan dengan kadar simpanan yang ketiga tertinggi di dunia - melebihi 40 peratus KDNK - kita tidak bergantung kepada modal langsung asing walaupun kita sudah tentu sukakan pelaburan langsung asing.

Pada Ogos 1998, kadar inflasi adalah 5.6 peratus. Pada Jun tahun ini, kadar ini menurun kepada 2.1 peratus. Indeks Harga Pengeluar adalah 14.5 peratus pada Ogos. Ia merudum kepada negatif 6.7 peratus pada Jun.

Bilangan pemberhentian kerja bulanan jatuh daripada 7,125 pada Ogos kepada 1,580 pada Julai, empat setengah kali lebih rendah.

Manakala, bilangan kekosongan pekerjaan meningkat daripada 6,005 pada Ogos kepada 9,711 pada Julai.

Bagi sektor perbankan, purata nisbah kecukupan modal berwajaran risiko bank di Malaysia pada Ogos 1998 ialah 8.2 peratus, iaitu dalam lingkungan tahap piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Bank of International Settlements. Pada Jun tahun ini nisbahnya ialah 12.7 peratus.

Hutang tidak berbayar (NPL) sistem perbankan pada asas enam bulan pada Ogos ialah 11.4 peratus. Bertentangan dengan jangkaan pakar asing yang menjangkakan NPL meningkat ke paras paling tinggi, sebaliknya kadarnya jatuh ke paras 7.9 peratus pada Mei tahun ini.

Berdasarkan asas tiga bulan pula, NPL pada September ialah 12.8 peratus. Saya minta maaf kerana mengusutkan yang berfikir lebih berpengetahuan. Tetapi NPL pada asas tiga bulan pada Mei lalu hanya pada kadar 12.7 peratus. Bandingkannya dengan 30 peratus atau 40 peratus di negara-negara lain.

Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan negatif 14.5 peratus pada Ogos tahun lalu. Pada Jun tahun ini indeks itu mencatatkan pertumbuhan positif 12.4 peratus.

Jualan kereta penumpang melonjak daripada 13,701 pada Ogos 1998 kepada 20,141 pada Jun 1999. Jualan motosikal melonjak daripada 19,369 kepada 21,225 manakala jualan kenderaan komersil baru pula meningkat daripada 1,681 pada Ogos tahun lalu kepada 2,691 pada Julai.

Saya boleh berterusan mengemukakan perangkaan tetapi jika anda tidak suka atau tidak mempercayai perangkaan, lihatlah sendiri keadaannya di kedai dan restoran. Cuma berikan sedikit masa tambahan kerana kesesakan lalu lintas sudah mula kembali.

Dalam suku ketiga 1998, kami mengalami kemerosotan ekonomi yang buruk. Pada suku keempat 1998 kedudukannya adalah lebih baik tetapi kadar penguncupan masih lagi dua angka.

Menjelang suku pertama tahun ini, kami sudah berjaya memulihkan kedudukan itu kepada pertumbuhan negatif cuma 1.4 peratus. Ia adalah satu pencapaian begitu baik kerana jika tidak disebabkan oleh pertumbuhan negatif 7 peratus pada bulan Januari yang berpunca daripada cuti sambutan perayaan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina, pertumbuhan pada suku pertama itu sepatutnya positif.

Kini saya boleh memberitahu anda bahawa dalam suku kedua, kami

mencatatkan pertumbuhan positif 4.1 peratus.

Kami tahu bahawa kami sudah melakukan pemulihan ekonomi yang begitu besar. Secara teknikalnya, kemelesetan ekonomi didefinisikan sebagai pertumbuhan negatif dua suku tahunan berturut-turut dan oleh itu, kami kini boleh berkata bahawa kemelesetan ekonomi besar yang dihadapi pada 1998 sudah berakhir.

Kami kini menerima banyak pujian, kadangkala daripada mereka yang tidak dijangkakan.

Pengarah Urusan Pasaran Hutang Asia, Morgan Stanley Dean Witter, Michael Dee berkata: "Langkah yang diambil sudah... mengurangkan ketidakpastian kepada kejutan luar. Malaysia seharusnya berbangga dengan pencapaiannya kerana ia tidak menggunakan langkah pemulihan IMF tetapi menjauhinya."

Naib Presiden dan Penganalisis Kanan Hutang Negara Morgan Stanley, Ann Ginsberg berkata: "Kawalan modal itu digunakan dengan betul. Malah ia menjadikan negara itu (Malaysia) - yang mempunyai imbalan pembayaran yang kukuh - lebih kompetitif."

Penasihat Kanan di Bahagian Asia Pasifik IMF, Margaret Kelly pula berkata bahawa Malaysia "sudah dengan bijaknya menggunakan yang disediakan oleh kawalan modal itu." Ketua nombor satunya, Michel Camdessus berkata: "Saya memuji cara bagaimana Malaysia mampu melaksanakan sistem kawalan yang sederhana."

Camdessus dalam komennya mengemukakan satu sebab mengapa kawalan mata wang kita berjaya. Ia sememangnya satu sistem yang longgar. Bertentangan dengan anggapan pengkritik, langkah yang diambil Malaysia bukanlah 'draconian', tidak menghukum atau menyusahkan. Tiada masalah birokrasi kerana bank komersil melaksanakan kawalan ini melalui kaedah biasa yang dijalankan selama ini.

Sebab kedua ialah kejayaan kita dalam pasaran eksport. Kemasukan tukaran wang asing berlaku secara pukal. Berbeza dengan amaran yang diberikan golongan yang suka memperkecil-kecilkan kita, tiada masalah kekurangan tukaran wang asing dan tiada masalah kecairan. Kita perlu tegas tetapi kita mempunyai keupayaan untuk melaksanakan apa yang dipanggil Camdessus sebagai sistem kawalan yang longgar. Malaysia diibanjiri dana. Saya tidak mencadangkan mana-mana negara untuk mencuba kawalan pertukaran mata wang jika mereka gagal menjana lebih dagangan yang besar.

Sebab ketiga kejayaan kita ialah kita ikhlas untuk menjamin ketabiran Ringgit Malaysia, bukan nilainya. Kita mahukan kadar yang tetap untuk Ringgit, bukannya tinggi.

Keempat, kita berjaya kerana kita berhati-hati menstabilkan Ringgit pada paras yang munasabah, bukan terlalu tinggi - atas alasan kestabilan teknikal dan kerana kita sentiasa mempunyai perancangan untuk pasaran eksport dan daya saing. Kita sememangnya tidak akan cuba untuk menaikkan kadar Ringgit yang asasnya tidak boleh ditetapkan kerana Ringgit dinilai sewajarnya. Kita tidak pernah tergopoh-gapah atau mempunyai sebarang sebab untuk menukar Ringgit kepada tukaran asing tanpa sebab.

Sebab lain atas kejayaan kita ialah dengan keyakinan bahawa melalui langkah ini, keyakinan pada pasaran saham, keyakinan pada Ringgit Malaysia dan ekonomi sebenar, ekonomi negara akan segera pulih. Tanpa keyakinan ini yang dibina dalam tempoh semalaman, tidak mungkin kita akan berjaya. Adakah kita dapat melihat rusuhan jalanan, adakah kita menderita kerana ketidakstabilan politik, keyakinan yang tidak akan kembali? Disebabkan keyakinan dan sikap terbuka kita, kawalan mata wang kita menjadi lebih berkesan. Ia memberi perlindungan yang terlalu teliti tanpa sedikit pun menjejaskan perdagangan atau pemulangan keuntungan.

Tiada pelaburan langsung asing yang ditarik keluar, sebaliknya, kita menerima pelaburan langsung asing melalui langkah ini. Ini tidak mengejutkan memandangkan pasaran eksport berkembang. Pelabur bergembira

sepanjang perjalanan ke bank tidak menutup atau mengurangkan operasi mereka. Malah pelaburan ekuiti asing pun mencatat kenaikan bersih yang agak besar ketika mereka mengejar keuntungan di pasaran saham yang pantas naik.

Untuk lebih pasti, beberapa faktor luaran banyak membantu. Dana lindung nilai berundur secara paksa selepas masalah LTCM. Pendokongnya sudah menjadi lebih berhati-hati.

Kestabilan mata wang di Asia Timur dan pemulihan ekonomi di negara Asia Timur banyak membantu.

Kita bernasib baik bahawa tiada siapa menyusul atau menyatakan bahawa mereka berhasrat mengikuti contoh Malaysia. Yang bertentangan boleh ditolak ansur. Tetapi yang bidaah tidak boleh. Kita sepatutnya dihukum oleh kapitalis global dan oleh kuasa-kuasa seumpamanya andai kita bersikap bidaah yang tidak bertolak ansur.

Kita berterima kasih untuk beberapa perkembangan luaran. Saya tidak berlebihan bila memuji pakar yang mempunyai komitmen kepada Malaysia dan kepercayaan terhadap negara ini tidak pernah pudar dan yang memastikan tidak kekurangan dalam butiran.

Akhir sekali, saya patut menghargai rakyat Malaysia yang pragmatik, yang bersatu padu dan bertekad - daripada pekerja kepada pengusaha, daripada petani kepada kakitangan awam - untuk berjuang mempertahankan kehidupan kita dan tahu ini adalah suatu perjuangan untuk hidup atau mati serta mempunyai azam untuk bersatu padu bekerja dan berjuang dalam satu pasukan untuk mencapai matlamat bersama bagi pemulihan ekonomi negara yang pantas.

Mereka adalah rahsia sebenar kejayaan Malaysia. Saya tabik mereka.

(END)